

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25 April 2016

SOALAN

GABUNG SOALAN SOALAN : NO.61 (25/4/2016) PUAN HAJAH AZIZAH BINTI HARUN minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah yang diambil Kementerian untuk menambahkan lagi bilangan “baby hatch” di dalam negara bagi tujuan mengurangkan kes pembuangan bayi terutamanya di kawasan luar bandar. SOALAN : NO.67 (26/4/2016) TUAN CHANDRA MOHAN A/L S. THAMBIRAJAH minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :- (a) jumlah kes pembuangan bayi dengan pecahan mengikut tahun dan negeri dari tahun 2011 sehingga sekarang; dan (b) menyatakan inisiatif-inisiatif yang di ambil untuk mengurangkan kes pembuangan bayi termasuk langkah-langkah untuk menambahkan bilangan Pelindung Bayi (Baby Hatch).

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Senator Puan Hajah Azizah Binti Harun pada 25 April 2016 bersekali dengan pertanyaan YB Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah pada 26 April 2016 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan gejala pembuangan bayi di dalam masyarakat. Tindakan membuang bayi merupakan satu perlakuan yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, kes pembuangan bayi yang dilaporkan pada tahun 2011 sehingga 2015 adalah seperti berikut, pada tahun 2011 adalah sebanyak 98 kes, tahun 2012 telah menurun kepada 89 kes. Tahun 2013 hingga 2015 telah meningkat semula, iaitu 90 kes pada tahun 2013, 104 kes pada tahun 2014 dan 111 kes pada tahun 2015. Jumlah keseluruhan kes bagi tempoh 2011 sehingga 2015 adalah sebanyak 491 kes. Bagi tempoh tersebut, lima buah negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah negeri Selangor sebanyak 98 kes, diikuti dengan Sabah sebanyak 62 kes, Johor sebanyak 55 kes, Kuala Lumpur sebanyak 43 kes dan Kelantan sebanyak 31 kes. Tuan Yang di-pertua, Bagi mengatasi masalah ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Institusi di bawah JKM yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut adalah Taman Seri Puteri (TSP) sebanyak 4 buah untuk kanak-kanak perempuan yang hamil luar nikah berusia di bawah 18 tahun. Manakala Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK) sebanyak 2 buah disediakan untuk perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Kementerian turut menyediakan 65 buah institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, 53 buah Klinik Nur Sejahtera dan 142 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak yang bersedia memberi perkhidmatan berkaitan dengan bayi dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Selain itu, KPWKM turut mengambil langkah-langkah dalam usaha mengatasi masalah pembuangan bayi seperti berikut: a) Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan telah diluluskan oleh Kerajaan pada 6 November 2009. Dasar ini bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial manakala Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan pula menjadi panduan tindakan bersepadu pelbagai pihak yang berkepentingan untuk melaksanakan program dan aktiviti. Melalui pengenalan dasar dan pelan tindakan, KPWKM menggerakkan pelbagai agensi dalam melaksanakan program pencegahan dan perlindungan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut: i. PEKERTI@PLKN LPPKN dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011. Program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Sejak diperkenalkan pada Jun 2011 sehingga Januari 2015, sebanyak 267,121 orang pelatih PLKN di 81 buah kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut. ii. PEKERTI@Sekolah LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah melaksanakan projek rintis Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Pada tahun 2012 hingga Disember 2014 seramai 6,531 orang pelajar daripada 33 buah sekolah telah mengikuti projek rintis ini. iii. PEKERTI@IPGM LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Perguruan Malaysia (IPGM) telah melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI@IPGM. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu guru ini kelak di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kesihatan reproduktif di sekolah. Pada bulan Mei 2015, seramai 45 orang pensyarah daripada 25 buah IPGM seluruh Malaysia terlibat dengan bengkel kejurulatihan PEKERTI@IPGM. iv. PEKERTI@KOMUNITI Program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut

diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Sepanjang tahun 2014, sebanyak 23 buah program telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 1,157 orang peserta. v. Pusat Remaja Kafe@TEEN LPPKN telah mengambil inisiatif untuk menangani masalah kesihatan dan kesejahteraan sosial dalam kalangan remaja dengan mewujudkan Pusat Remaja Kafe@TEEN. Sebanyak 14 buah pusat remaja kafe@TEEN telah diwujudkan. b) Talian Kasih 15999 Perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang asalnya dikenali sebagai Talian NUR telah diwujudkan sejak 5 Disember 2007 bagi membolehkan orang awam membuat sebarang aduan termasuk kes pembuangan bayi. Remaja dan wanita yang mengandung luar nikah juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling melalui Talian Kasih 15999 bagi mengelakkan mereka daripada terjebak dalam aktiviti pembuangan bayi. Talian ini beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun. c) Modul Cakna Diri LPPKN telah membangunkan Modul Cakna Diri (Edisi Remaja dan Edisi Ibu Bapa) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada remaja serta ibu bapa dalam memahami perkembangan remaja dan meningkatkan kemahiran untuk menangani tingkah laku yang berisiko khususnya berkaitan seksualiti. d) Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita) Program SEKATA merupakan kursus keibubapaan anak remaja dan pendidikan kesihatan reproduktif remaja kepada komuniti setempat yang dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) sebagai salah satu usaha untuk mencegah masalah sosial. Program kerjasama ini menggembeng dan menggerakkan peranan ahli keluarga dan komuniti menerusi 108 NGO untuk melaksanakan lebih 961 program dalam komuniti setempat bagi mengukuhkan institusi kekeluargaan untuk membantu menangani permasalahan sosial dalam masyarakat. Hingga bulan Disember 2013, sebanyak 665 program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan 57,286 peserta. Tuan Yang di-Pertua, Bagi membendung masalah pembuangan bayi ini, satu inisiatif telah dijalankan oleh KPWK melalui kerjasama agensi dan pertubuhan NGO iaitu Pertubuhan Kebajikan dan Pengurusan Anak-Anak Yatim Kuala Lumpur (OrphanCARE) bagi mewujudkan Baby Hatch. Tujuan Baby Hatch adalah untuk menyelamatkan bayi daripada dibuang, memberi kasih sayang keluarga kepada bayi-bayi yang terbuang sekali gus membendung masalah pembuangan bayi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dan sedang berusaha memperbanyakkan jalinan kerjasama dengan syarikat korporat, hospital dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk penambahan bilangan Baby Hatch terutama di kawasan luar bandar. Sehingga kini terdapat sebanyak lapan (8) buah hospital dan sebuah (1) NGO telah menubuhkan Baby Hatch.

